

**PENGHASILAN MODUL PENGAJARAN GURU BAGI
MATA PELAJARAN SEJARAH**

NOR RASYIDA BINTI RAHMAT

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

FEBRUARI, 2003

Untuk ayahanda dan bonda yang dicintai...

Hj. Rahmat Bin Hambali dan Hj. Hasnah Binti Basri

Untuk kekanda dan dinda tersayang...

Nor Rahimah dan Mustapha Ma'arof

Nor Ruhaida

Muhammad Nor Hakim dan Nurmiza Zakaria

Nor Rafidah

Muhammad Nor Halim

Dindaku Muhamad Nor Hisyam

Untuk anak saudara yang dikasihi...

Adiel Anuar, Afiqe Anuar, Annur Anise, Azril Anuar

Mohd. Ismail dan Siti Maisarah

Serta rakan-rakan seperjuang sekalian...



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek sarjana iaitu Tuan Haji Ali Bin Suradin atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan projek sarjana ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga turut di berikan kepada Dr. Wahid Razaly serta Encik Asri Selamat atas kerjasama mereka selaku penilai dan pembaca kedua. Segala teguran dan komen yang diberikan adalah dihargai.

Kerjasama yang diberikan oleh guru-guru bagi mata pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah Teknik (ERT) Azizah, Johor Bahru dalam membantu melaksanakan penggunaan produk projek sarjana amatlah dihargai.

Penghargaan juga turut ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek sarjana ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Cik Nor Ruhaida Rahmat yang banyak membantu memberi maklumat dan bagi memantapkan lagi projek yang dijalankan.

ABSTRAK

Kajian ini cuba memperkenalkan penggunaan modul pengajaran guru sebagai alat bantu mengajar yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Sejarah. Fokus kajian ini ialah untuk mengetahui persepsi penerimaan para pelajar dan guru terhadap penghasilan modul pengajaran guru ini. Kajian ini turut melihat sama ada terdapat perbezaan pencapaian antara kumpulan eksperimen iaitu pelajar yang mengikuti kaedah pengajaran bermodul dan kumpulan kawalan iaitu pelajar yang mengikuti kaedah pengajaran tradisional. Responden terdiri daripada 60 orang pelajar Tingkatan 4 Teknik di Sekolah Menengah Teknik (ERT) Azizah, Johor Bahru. Dapatan data diperolehi dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 11.0 dan Microsoft EXCEL. Pengedaran borang soal selidik dan pelaksanaan ujian pra dan post secara lisan ke atas pelajar telah dilakukan. Keputusan kajian dibuat berdasarkan hasil peratusan dan min. Hasil kajian menunjukkan, persepsi penerimaan para pelajar dan guru terhadap penghasilan modul pengajaran guru bagi mata pelajaran Sejarah adalah sangat positif. Di dapati, pelajar kumpulan eksperimen memperlihatkan pencapaian yang lebih baik dalam ujian pra dan post yang dijalankan. Sementara pelajar kumpulan kawalan pula, memperlihatkan pencapaian yang kurang memuaskan. Dengan ini, dapat dirumuskan bahawa bahan modul pengajaran guru ini berpotensi diketengahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Semoga dengan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pelajar dan guru Sekolah Menengah Teknik di seluruh Malaysia.

ABSTRACT

The purpose of this research is to introduce the use of Instructional-Tech Module as one of the effective in teaching and learning process to History subject. The focus of this research is to knowing teachers and students accepted perception towards modules approach. This research also to see if there are has any difference of achievement between the experiment group and the control group. The experiment group consists of students who are using the modules approach and the controls group those who using the traditional teaching method (guided discovery). Respondents of the research are 60 students Form 4 Teknik from Sekolah Menengah Teknik (ERT) Azizah, Johor Bahru. Data was gathered with Statistical Package Social Science (SPSS) version 11.0 and Microsoft EXCEL that which the questionnaires form was distributed with oral performance pre and post test. The researches finding based on the percentage and mean. The result of the research identified that students and teachers show positive accepted perception towards modules approach. The proved that the Instructional-Tech Module are suitables as one of the teaching material in the teaching and learning process in History subject. Hopefully, the research is beneficial to all the students and teachers of Sekolah Menengah Teknik in Malaysia.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
I	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latarbelakang Masalah	4
	1.2 Penyataan Masalah	8
	1.3 Persoalan Kajian	10

1.4.	Objektif Kajian	11
1.5.	Skop Kajian	11
1.6.	Kepentingan Kajian	12
1.7.	Definisi Konseptual dan Pengoperasian	14
1.7.1.	Sejarah	14
1.7.2.	Modul Pengajaran Guru	14
1.7.3.	Pembelajaran Kontekstual	15
1.7.4.	Pembelajaran Masteri	15
1.7.5.	Pembelajaran Konstruktivisme	16

II

SOROTAN PENULIS

2.0	Pendahuluan	17
2.1.	Pengaplikasian Multimedia Dalam Pendidikan Sejarah Di PTV	19
2.2.	Cabaran Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Dalam Meningkatkan Strategi Pendidikan Sejarah	21
2.3.	Pembinaan Modul Pengajaran Kendiri Sejarah	23
2.4.	Pengaplikasian Media Teknologi Suatu Bentuk Revolusi Maklumat Dalam Sistem PTV Di Malaysia	24

III

METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	27
3.1.	Rekabentuk Kajian	27
3.2.	Penghasilan Modul Pengajaran Guru	29

3.3.	Merekabentuk Modul Pengajaran Guru	30
3.4.	Responden	32
3.5.	Instrumen Kajian	33
3.5.1	Modul Pengajaran Guru (Ke Arah Kerjasama Masyarakat Antarabangsa)	33
3.5.2	Borang Soal Selidik	33
3.5.3	Pemerhatian	35
3.6.	Batasan Kajian	35
3.7.	Prosedur Kajian	36
3.8.	Analisis Data	37
3.9.	Andaian Terhadap Kajian	38
3.10.	Kesimpulan	39

IV

REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.0	Pengenalan	40
4.1.	Latarbelakang Teori Penghasilan Produk	40
4.2.	Rekabentuk Produk	41
4.2.1.	Bentuk dan Ciri-ciri Produk	42
4.2.2.	Rekabentuk Model Pembangunan Produk	42
4.2.3.	Kronologi Pembinaan Produk	45
4.2.4.	Masa Membina Produk	45
4.2.5.	Dokumentasi Produk	46

4.3.	Penilaian produk	46
4.3.1.	Pemilihan dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	46
4.3.2.	Pemilihan Sampel Kajian Yang Akan Menilai Produk	48
4.3.3.	Fokus Penilaian	48
4.3.4.	Cadangan Pembaikan	49

V

PENEMUAN KAJIAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.0	Pengenalan	50
5.1	Kajian Rintis	51
5.2	Hasil Dari Kaedah Pemerhatian	52
5.3	Analisis Statistik	52
5.4	Responden Kajian	53
5.5	Keputusan Penilaian Ujian Pra dan Post	53
5.5.1	Kumpulan Kawalan	54
5.5.2	Kumpulan Eksperimen	55
5.5.3	Kesimpulan	56
5.6	Keputusan Penilaian Persepsi Terhadap Modul Pengajaran Guru Bagi Mata Pelajaran Sejarah	59
5.6.1	Kumpulan Eksperimen	59
5.6.1.1	Maklumat Responden	59
5.6.1.2	Persepsi Pelajar Mengenai Penghasilan Modul Pengajaran Guru Bagi Mata Pelajaran Sejarah	61

5.6.2	Guru	64
5.6.2.1	Maklumat Responden	64
5.6.2.1	Persepsi Guru Mengenai Penghasilan Modul Pengajaran Sejarah	66
5.7	Penutup	69

VI KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN

6.0	Pengenalan	70
6.1	Kesimpulan	70
6.2	Cadangan	72

BIBLIOGRAFI

73

LAMPIRAN

77

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Menunjukkan Bahagian Dalam Pembinaan Soal Selidik	34
3.2	Jenis-jenis Soalan Dalam Soal Selidik	34
3.3	Jadual Ukuran Tahap Kecenderungan	38
4.1	Jenis-jenis Soalan Dalam Soal Selidik Dan Tujuannya	47
5.1	Jadual Menunjukkan Keputusan Analisis Ujian Pra Dan Post Bagi Kumpulan Kawalan	55
5.2	Jadual Menunjukkan Keputusan Analisis Ujian Pra Dan Post Bagi Kumpulan Eksperimen	56
5.3	Jadual Menunjukkan Perbezaan Pencapaian Ujian Pra Mengikut Kumpulan	57
5.4	Jadual Menunjukkan Keputusan Analisis Kesan Penggunaan Modul Pengajaran Guru Bagi Mata Pelajaran Sejarah Berdasarkan Perbezaan Peratusan Ujian Pra Dan Post Mengikut Kumpulan	58
5.5	Jadual Menunjukkan Maklumat Jantina Responden	60
5.6	Jadual Menunjukkan Keputusan Penilaian Persepsi Pelajar Mengenai Penghasilan Modul Pengajaran Guru Bagi Mata Pelajaran Sejarah	63

5.7	Jadual Menunjukkan Maklumat Jantina Responden	65
5.8	Jadual Menunjukkan Keputusan Penilaian Persepsi Guru Mengenai Penghasilan Modul Pengajaran Guru Bagi Mata Pelajaran Sejarah	68



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Rekabentuk Kajian	28
4.1	Model Rekabentuk Bersistem Hanaffin Dan Peck	43
5.1	Rajah Menunjukkan Kekerapan Bilangan Pelajar Yang Mempunyai Dan Tidak Mempunyai Komputer	61
5.2	Rajah Menunjukkan Kekerapan Bilangan Guru Yang Mempunyai Dan Tidak Mempunyai Komputer	66



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	77
B	Hasil Kaedah Pemerhatian	78
C	Output Analisis Kajian Dengan Menggunakan Perisian <i>Statistical Package for Social Science</i> (SPSS) Versi 11.0	79



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Perubahan peranan pendidikan sebagai agen informasi maklumat dan asas bagi membentuk masyarakat bestari memberi cabaran yang besar kepada profesion perguruan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2000). Matlamat utama perubahan ini adalah sejajar dengan wawasan dan matlamat pembinaan negara yang menekankan kepada pembentukan masyarakat bermaklumat, berpengetahuan dan celik komputer. Langkah ini merupakan agenda utama ke arah menangani kepantasan perkembangan teknologi maklumat (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2000).

Perkembangan teknologi maklumat memberi cabaran kepada kurikulum sekolah sama ada ia relevan atau terkini dengan perubahan dan perkembangan yang berlaku. Bahan pengajaran yang sistematik amat diperlukan agar dapat menghasilkan keberkesanan dalam proses pembelajaran. Bahan-bahan yang sedia ada seperti pita video, pita audio, slaid dan komputer haruslah digunakan secara meluas agar dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran kuliah sesuai dengan kehendak semasa.

Penghasilan modul pengajaran guru yang berbentuk elektronik membolehkan diulang penggunaannya oleh pelajar tanpa melibatkan pengulangan pengajaran dari guru. Pelajar boleh menjadikan modul tersebut sebagai sumber modul pengajaran sendiri bagi dirinya. Menurut Kamdi (1990) dalam Shaharom Nordin (1992), modul pengajaran sendiri merupakan suatu pakej pengajaran dan pembelajaran atau pual belajar sendiri yang lengkap mengandungi komponen-komponen pengajaran dan pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti-aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik agar pelajar dapat mengikuti langkah demi langkah menguasai sesuatu unit pembelajaran dan menjadikan pembelajaran boleh dijalankan secara individu. Para pelajar berpeluang memilih modul tertentu dalam usaha untuk meneruskan proses pembelajaran dan cara ini mampu diaplikasikan pada semua mata pelajaran dan di semua peringkat sekolah hinggalah ke peringkat universiti.

Pertimbangan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada para pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang dan tahap kebolehan. Di atas pertimbangan inilah, kaedah pengajaran bermodul baru ini boleh dilaksanakan. Memandangkan mata pelajaran Sejarah adalah merupakan mata pelajaran yang dianggap bosan oleh para pelajar maka dirasakan penyelidikan luas berkaitan dengan penggunaan modul pengajaran guru berbentuk cakera padat Interaktif adalah penting (Nor Salleh Ngatimin, 2002). Matlamat daripada kajian ini tentunya mampu membantu berbagai pihak terutamanya guru dan pelajar.

Merujuk pula kepada kurikulum Sejarah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang mana pertimbangan pemilihan tajuk kandungan isi mata pelajaran adalah selaras dengan cita-cita negara yang termaktub dalam Rukun Negara serta matlamat pengajaran Sejarah itu sendiri. Menurut Saidah Ahmad (2002), matlamat pengajaran Sejarah di Malaysia ialah:

- i. Mengenalı keperibadian kebangsaan melalui Sejarah.
- ii. Mewujudkan perasaan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal.
- iii. Mewujudkan ingatan bersama tentang sejarah sebagai rangka kesedaran kebangsaan dikalangan rakyat Malaysia.
- iv. Memupuk persefahaman dikalangan antarabangsa.
- v. Membangkitkan minat terhadap sejarah.
- vi. Mencetuskan dan mengembangkan pemikiran kritis.

Oleh yang demikian, strategi pengajaran dan pembelajaran Sejarah perlu dikemaskini bagi menambah pemahaman Sejarah di kalangan pelajar, memperluaskan idea Sejarah di kalangan pelajar, memperkayakan perolehan bahan sejarah dan mempertingkatkan kemampuan intelektualisme dikalangan pelajar dan tenaga pelajar yang terlibat (Omar Mohd. Hashim, 1992). Modul pendidikan baru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah ini ditukar agar dapat mempertingkatkan kemampuan literasi Sejarah serta memperkukuhkan profesionalisme dalam pengajaran Sejarah.

Pengaplikasian teknologi maklumat dalam modul tersebut perlu dilaksanakan agar seiring dengan keperluan dan situasi semasa. Pelajar perlu tahu sekurang-kurangnya pengetahuan asas dalam penggunaan komputer dan guru boleh bertindak sebagai pembimbing dalam membantu pelajar meningkatkan pengetahuan penggunaan komputer (Nor Salleh Ngatimin, 2002).

1.1 Latar Belakang Masalah

Kemajuan teknologi moden adalah salah satu faktor yang turut mempengaruhi pembaharuan yang pesat berlaku dalam dunia pendidikan. Kerajaan dan masyarakat kini telah memberikan perhatian yang mendalam tentang perkara tersebut kerana menyedari hakikat tentang peranan dan fungsi yang boleh dimainkan oleh teknologi dalam pendidikan. Mereka yakin bahawa teknologi boleh membantu mencapai matlamat dan tujuan pendidikan untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan bermakna.

Oleh yang demikian, kita terpaksa menerima hakikat bahawa telah wujud pelbagai fenomena ketidakserasian amalan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Fenomena ini dirujuk sebagai imbasan secara kritis keadaan sebenar perspektif negara yang sedang menghadapi era teknologi maklumat. Ketidakserasian ini melihat kepada permasalahan dan kritikan yang wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang diamalkan di peringkat sekolah menengah.

Di antara ketidakserasian proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah tersebut ialah (Saidah Ahmad, 2002):

- i. Terlampau memberatkan peperiksaan.

Pengajaran Sejarah menjadi kurang menarik dan tidak mencapai objektif yang dikehendaki kerana guru Sejarah mempunyai kecenderungan menyampaikan isi pelajaran semata-mata untuk tujuan peperiksaan. Keputusan peperiksaan menjadi kayu pengukur bagi menilai keberkesanan pengajaran guru, maka tumpuan pengajaran guru juga adalah untuk menyediakan para pelajar menghadapi

peperiksaan. Pengajaran Sejarah turut difokuskan kepada proses menghabiskan sukatan pelajaran yang telah disusun sepanjang tahun kerana kriteria komitmen guru dilihat berdasarkan peratusan kelulusan para pelajarnya dalam peperiksaan.

ii. Aktiviti pembelajaran bercorak hafalan.

Kebanyakan aktiviti-aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah adalah bercorak hafalan iaitu menekankan pelajar agar mengingat fakta-fakta seperti tarikh-tarikh dan peristiwa-peristiwa peperangan serta pergolakan politik masa lampau. Oleh kerana terlampau mementingkan pembelajaran bercorak hafalan maka pembelajaran Sejarah di sekolah kurang menekankan kepada mengembangkan pemikiran kritis dan ianya membosankan para pelajar. Cara pengajaran ini gagal mengembangkan kemahiran pemikiran Sejarah dan pemikiran membuat pertimbangan sejarah yang amat penting dalam pembelajaran Sejarah.

iii. Pengajaran bersifat tradisional.

Cara pengajaran guru terlalu bergantung kepada kapur dan papan hitam. Pengajaran tersebut hanya berpusat kepada guru dan para pelajar tidak memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Para pelajar hanya dikehendaki mendengar atau menyalin nota yang dicatatkan oleh guru di papan hitam. Suasana dan situasi pengajaran yang membosankan ini menyebabkan pelajar kehilangan minat dan tersalah anggap bahawa Sejarah sebagai mata pelajaran yang kurang menarik dan kurang penting.

iv. Terlampau terikat kepada buku teks.

Cara pengajaran guru Sejarah lebih mendedahkan kepada pengajaran yang terikat kepada kepada buku teks. Malahan nota-nota yang diberi, dipetik kepada bulat-bulat daripada buku teks. Cara yang paling mudah yang sering dilakukan oleh guru Sejarah ialah menggunakan buku teks untuk dibaca di bilik darjah pada masa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Keadaan ini menjadikan kebanyakan guru Sejarah tidak dapat membimbing para pelajarnya dari segi menafsir dan penggunaan sumber-sumber bahan lain. Penggunaan buku teks yang berlebihan menjadikan pengajaran bersifat stereotaip, kurang daya kreatif dan imiginatif.

v. Kesukaran menentukan pencapaian objektif.

Objektif pengajaran yang bersifat umum tidak dapat menentukan objektif pengajaran yang berkesan dan menyebabkan pengajaran guru gagal menyampaikan pengetahuan dan mengembangkan kemahiran-kemahiran yang dimaksudkan. Kegagalan guru menentukan objektif-objektif pengajaran menyebabkan banyak masa terbuang begitu sahaja dan guru gagal menentukan apakah yang diperolehi atau sepatutnya dicapai oleh pelajar dalam setiap pengajarannya.

vii. Pengajaran Sejarah kurang berlandaskan kemahiran.

Kesulitan yang wujud di sini ialah aktiviti-aktiviti pengajaran yang tidak mencabar kebolehan kognitif dan afektif pelajar (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1992) Kebanyakan aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran menggalakkan para pelajar menghafal hujah-hujah tanpa memahami signifikasi, kaitan dan implikasi dengan apa dipelajari.

Berdasarkan kepada beberapa elemen ketidakserasian proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah tersebut maka adalah wajar diberi perubahan dalam proses pengajaran Sejarah iaitu dengan mengaplikasikan media teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti mana penghasilan produk dalam kajian ini.

Selain itu, wujud permasalahan lain dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah iaitu pengajaran Sejarah terlalu bergantung kepada kepercayaan, pengetahuan dan kemahiran guru Sejarah sahaja (Khoo Kay Kim, 1992). Menurut Wan Zahid Mohd. Nordin (1992), kemahiran sebahagian guru Sejarah masih boleh dipertikaikan, sumber bacaan untuk mata pelajaran Sejarah masih belum mencukupi dan masih belum memuaskan. Para guru kurang mengaplikasikan teknik-teknik pengajaran yang berkesan seperti konsep pengamalan pembelajaran kontekstual, masteri dan konstruktivisme. Gabungan konsep pembelajaran ini mampu mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di antara guru dengan pelajar dan seterusnya membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

Merujuk kepada prestasi peperiksaan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menunjukkan peratusan Sejarah adalah terendah iaitu 66.3 peratus sahaja jika dibandingkan dengan prestasi mata pelajaran-mata pelajaran lain pada tahun 1999 (Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Sebagai rujukan dilihat kepada prestasi mata pelajaran lain dalam peperiksaan SPM ini iaitu bagi mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris, Sains, Kimia, Biologi, Lukisan Kejuruteraan, Fizik, Teknologi Kejuruteraan dan Pengajian Kejuruteraan Jentera masing-masing mencapai prestasi pencapaian yang membanggakan iaitu diantara 71.1 peratus sehingga 98.3 peratus. Peratusan keputusan SPM bagi mata pelajaran Sejarah pada tahun 1999 adalah merosot sebanyak 0.4 peratus berbanding pada tahun 1998 (Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Oleh yang demikian adalah wajar mata pelajaran Sejarah diberi perhatian agar mata pelajaran ini mampu membantu

mempertingkatkan tahap prestasi keputusan peperiksaan para pelajar (Nor Salleh Ngatimin, 2002).

Merujuk pula kepada prestasi Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional pada tahun 1999, ia menunjukkan situasi yang kurang memberangsangkan iaitu tiada sebahupun Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di serata Malaysia yang berjaya menyenaraikan diri sebagai sekolah terbaik dalam lingkungan 10 teratas (Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Oleh itu, sekurang-kurangnya dengan penghasilan modul pengajaran guru bagi mata pelajaran Sejarah bagi Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional ini mampu menyumbangkan peningkatan peratusan prestasi sekolah dalam menempatkan nama dalam senarai sepuluh teratas yang berjaya dalam pendidikan di Malaysia.

1.2 Penyataan Masalah

Kebanyakan pelajar kini tidak mempunyai sikap-sikap positif seperti sikap suka membaca, sentiasa berbincang dengan guru, sentiasa ada perasaan ingin tahu dan tidak terlalu bergantung kepada guru untuk membuat nota dan latihan (Saidah Ahmad, 2002). Pelajar menganggap mata pelajaran Sejarah adalah satu mata pelajaran yang membosankan dan kurang minat.

Setiap individu hanya mampu mengingat 20 peratus daripada apa yang didengar, 30 peratus daripada apa yang dilihat, 50 peratus daripada apa yang didengar dan dilihat, 80 peratus daripada apa yang dituturkan dan 90 peratus daripada apa yang dituturkan

dan disertai dengan perbuatan (Ee Ah Meng, 1997). Ini menunjukkan bahawa setiap individu mempunyai gaya pembelajarannya yang tersendiri sama ada secara bersendirian, berkumpulan, dengan bantuan visual yang banyak, dengan mendengar sahaja atau hanya bergantung kepada pembacaan buku teks, ada yang suka belajar dengan menyentuh dan ada juga yang suka bergerak semasa belajar. Tetapi yang pasti sistem pengajaran secara lebih tradisional masih kurang mampu untuk mengatasi masalah gaya pembelajaran pelajar yang berbeza-beza ini (Saidah Ahmad, 2002).

Komputer pada masa kini dianggap suatu keperluan kepada para pelajar untuk memperolehi maklumat dan mambantu pelancaran pembelajaran. Melalui pengaplikasian komputer juga pelajar boleh dianggap sebagai pelajar celik *IT* seperti yang disarankan oleh pemimpin negara, Dr. Mahathir Mohamed (Abd. Hair Awang, 2001). Oleh yang demikian penggunaan komputer wajar diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah agar mata pelajaran tersebut menjadi mata pelajaran kegemaran dikalangan para pelajar teknik dan vokasional, dan secara tidak langsung dapat memperbaiki prestasi peperiksaan mereka.

Abdul Rahim Mohd Saad (2000), ada memperihalkan mengenai perspektif global dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan iaitu:

‘Pengaplikasian teknologi dalam pendidikan adalah sesuai dengan keperluan pendidikan kini yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kebolehan pelajar dan mampu mengatasi prestasi pelajar dalam pelajaran. Para pengajar perlu menerima perubahan dengan baik dan sanggup menggunakan beberapa model pengajaran baru dan inovatif.’

(Abdul Rahim Mohd Saad, 2000: 7)

Oleh yang demikian adalah bersesuaian bahawa kajian ini dilakukan bagi menghasilkan modul pengajaran guru Sejarah yang baru selaras dengan perubahan teknologi kini dengan tujuan untuk membantu atau menyokong proses pengajaran dan pembelajaran guru Sejarah dan meningkatkan tahap pembelajaran di sekolah-sekolah.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah menjurus kepada tiga skop utama dalam arah mencari penyelesaian kajian. Ianya adalah seperti berikut:

- i. Sejauhmanakah keberkesanan penghasilan modul pengajaran guru bagi mata pelajaran Sejarah ini ke atas pelajar?
- ii. Apakah persepsi penerimaan pelajar terhadap penghasilan modul pengajaran guru bagi mata pelajaran Sejarah?
- iii. Apakah persepsi penerimaan guru terhadap penghasilan modul pengajaran guru bagi mata pelajaran Sejarah?

BIBLIOGRAFI

- Abd. Hair Awang (2001). "Mengantarabangsakan Pendidikan Negara" dlm. Pemikir April-Jun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 85-107.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (1992). "Strategi Pengajaran Sejarah KBSM." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1-167.
- Abd. Rahim Abd. Rashid (2000). "Wawasan Dan Agenda Pendidikan." Kuala Lumpur: Utusan *Publications & Distributors* Sdn. Bhd. 13-74.
- Abdul Rahim Mohd Saad (2000), "Perspektif Global Tentang Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan." **Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris 2000 Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia**: Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim. 8 Mei 2000. 1-25.
- Ali Baba (1999). "Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Sains Sosial." Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 65-71.
- Baharuddin Aris, *et al.* (2001). "Modul Pengajaran: Reka Bentuk Perisian Multimedia Reka Bentuk Perisian Multimedia." Skudai: Jabatan Multimedia Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. 22-28.
- Bahtiar Sukkor (2002). "Perancangan Strategik Kecemerlangan Sejarah." **Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Pendidikan Sejarah Jabatan Pendidikan Johor**: Hotel Goodhope Skudai: Johor Bahru. 27 Jun. 1-4.
- Ding Choo Ming(2000). "Pembentukan Generasi Internet Di Alaf Baru." dlm. Pemikir Januari-Mac. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 27-49.
- Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi III (Semester III) Siri Diploma Perguruan." 2nd. Ed. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 41-54.

- Imran Idris (1993). "Perubahan Dunia Vokasional: Satu Cabaran Kepada Sistem Pendidikan." **Jurnal Pendidikan: Kementerian Pendidikan Malaysia**. 37. 10-22.
- James H. McMillan (1996). "Educational Research: Fundamental For The Consumer." New York: Harper Collins Publisher Inc. 16-27.
- Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia (2000).
Dicapai pada 22 Februari 2002 daripada *World Wide Web*. hlm.1-10.
Web: <http://www.moe.gov.my/akhbar/akhbar3.htm>
- Khasnor Johan, *et al.* (1991). "Sejarah Peradaban Dunia: Tingkatan 4 (KBSM)." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia. 176-207.
- Khoo Kay Kim (1992). "Perkembangan Pendidikan Sejarah Di Malaysia." dlm. Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan. *Sejarah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 14-20.
- Mohamad Nor Mohamad Taib (2002). "Proses Pembinaan Soal Selidik Kajian Dan Pentadbirannya." **Kertas Kerja Dibentangkan Di Siri Kolokium Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn: Batu Pahat, Johor**. 18 Jun. 1-9.
- Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 23-45.
- Mohd. Salleh dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Windows." Kuala Lumpur: Venton Publishing. 261.
- Mohd Salleh Abu dan Tan Wee Chuen (2001). "Mengeksploitasi Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Membantu Menangani Masalah Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik." **Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia**. 7. 100-108.
- Munir dan Halimah Badioze Zaman (2000). "Aplikasi Multimedia Dalam Pendidikan." dlm. *Pemikir Januari-Mac*. 51-73.

- Nor Salleh Ngatimin (2002). "Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah: Kesesuaiannya Dengan Keperluan Pelajar Masa Kini." **Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Pendidikan Sejarah Jabatan Pendidikan Johor: Hotel Goodhope Skudai: Johor Bahru. 27 Jun. 1-6.**
- Omar Mohd. Hashim (1992). "Falsafah Pendidikan Sejarah." dlm. Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan. *Sejarah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1-13.
- Ramlee Mustapha (2000). "Pengintegrasian Akademik Dan Vokasional: Cabaran Pendidikan Alaf Baru." **Jurnal Teknologi: Universiti Teknologi Malaysia. 32 (E). 11-22.**
- Saidah Ahmad (2002). "Penghayatan Mata Pelajaran Sejarah: Teknik Belajar Berkesan Dan Teknik Menjawab Soalan SPM." **Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Pendidikan Sejarah Jabatan Pendidikan Johor: Hotel Goodhope Skudai: Johor Bahru. 27 Jun. 1-18.**
- Shaharom Noordin (1995). "Pengajaran Individu Menggunakan Modul Pengajaran Kendiri Di Sekolah Menengah." **Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Nasional Ke-5 Pengurusan Pendidikan. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur. 28-30 November. 1-16.**
- Shaharom Noordin (1996). "Pengajaran Bermodul: Merekabentuk Modul Pengajaran Kendiri." **Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Modul Pengajaran Kendiri Mata Pelajaran Fizik Bagi Guru-guru Kanan Sains Sekolah-sekolah Daerah Tampin dan Rembau. Pusat Kegiatan Guru (PKG) Gemencheh: Negeri Sembilan. 2-3 Februari. 1-9.**
- Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1992). "Pengindividuan Pengajaran Dan Pembelajaran Menerusi Pengajaran Bermodul." **Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Pendidikan Teknologi Asia Pasifik. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang. 25-28 Jun. 1-14.**
- Sulaiman Ngah Razali (1991). "Penggunaan Statistik Dalam Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 91-164.
- Summer, M (1998). "New Primary Teacher Trainees And Computer: Where Are They Starting From." **Journal Of Education For Teaching. 261-271.**

Sekaran, U. (2000). "Research Methods For Business." New York: John Wiley & Sons. 43-76.

Wan Zahid Mohd. Nordin (1992). "Pendidikan Sejarah Di Sekolah Rendah Dan Menengah (KBSR / KBSM): Objektif Dan Pencapaian." dlm. Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan. *Sejarah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 21-38.

Yahya Emat (1993). "Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020." **Jurnal Pendidikan: Kementerian Pendidikan Malaysia**. 37. 1-9.

